



KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-251513/251514/251516
Faks: 088-237605
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 252692
Bil. : KEW. 400-8/9/30
Tarikh : 1 Julai 2010

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Semua Bendahari Daerah

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN SABAH BIL. 11 TAHUN
2010 PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58 (a)**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menarik perhatian semua Jabatan/ Kementerian berkenaan dengan perbelanjaan yang dibuat pada tahun lalu akan tetapi hanya dibayar pada Tahun Kewangan yang baru.

2. PEMERHATIAN SERIUS

Diperhatikan selama ini masih banyak baucar-baucar bayaran dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri untuk mendapat kebenaran di bawah A.P.58 (a) hinggan ianya menjejaskan peruntukan semasa. Nampaknya Jabatan/Kementerian tidak memandang serius terhadap pematuhan Tatacara Kewangan dalam pengurusan perbelanjaan dan pembayaran sehingga menjadikan A.P.58 (a) sebagai satu amalan bagi menjelaskan tunggakan bayaran bil dan tuntutan.

PKKS Bil.11 Tahun 2010
KEW. 400-8/9/30
1 Julai 2010

Didapati juga ada permohonan di bawah A.P. 58 (a) dikemukakan selepas separuh tahun kedua dalam tahun kewangan semasa. Sekiranya peraturan kewangan dan prinsip pembayaran di bawah A.P. 58 (a) dipatuhi selaras dengan dasar-dasar perbelanjaan berhemah dan bertanggungjawab, maka perkara seumpama ini tidak seharusnya berlaku. Malahan A.P.103 (a) menetapkan semua tuntutan bil hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh ianya diterima.

3. **PENGUATKUASAAN**

Justeru itu, mulai dari tarikh surat ini diedarkan semua Ketua Jabatan/ Kementerian adalah diminta untuk menyelesaikan pembayaran di bawah A.P. 58 (a) dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas Tahun Kewangan yang lama ditutup. Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Bendahari Negeri Sabah untuk mendapat kelulusan. Permohonan-permohonan di bawah A.P. 58 (a) yang diterima selepas **31 Julai** tidak akan diberikan pertimbangan dan Kementerian ini tidak akan teragak-agak untuk mengesyorkan pembayaran di bawah A.P.59 atau mengenakan surcaj.

Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 6 Tahun 2000, rujukan JBN: (A)NO.400-2/4385/A/(87) bertarikh 23 Mei, 2000 hendaklah dirujuk bersama.


4. **PENUTUP**

Sekiranya terdapat kemusykilan dalam pelaksanaan Pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Penolong Bendahari Negeri (Pengurusan Pembayaran dan Penerimaan) melalui telefon nombor 088-252447 atau Akauntan Penyemakan Baucar melalui telefon nombor 088-272670 untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut.

Sekian harap maklum dan terima kasih.

PKKS Bil.11 Tahun 2010
KEW. 400-8/9/30
1 Julai 2010

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”
“JIMAT DAN PRODUKTIF”



(DATUK PG. HASSANEL BIN DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR)
Setiausaha Tetap

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri,
Jabatan Ketua Menteri,
Tingkat 6, Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88817 KOTA KINABALU.